



## Amanat Naib Canselor 2024 Konsep BITARA Landasan Kecemerlangan UPSI 2024

7 Feb 2024, Tanjung Malim - Konsep BITARA menjadi landasan untuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memacu kejayaan lebih cemerlang pada masa depan bukan sahaja peringkat nasional malah antarabangsa.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata UPSI mengecapi pelbagai kejayaan hasil perasaan kasih sayang seluruh warganya terhadap universiti pendidikan ulung negara itu.

Berucap sempena majlis Aspirasi Naib Canselor 2024 di Dewan Tuanku, Kampus Sultan Azlan Shah kelmarin, beliau berkata konsep berasaskan hasrat kebitaraan yang bermakna bijak tanpa tara atau unggul atau BITARA iaitu Bakat Unggul (B), Inovasi dan Penyelidikan (I), Transformasi Teknologi (T), Adab, Akhlak, Akademik (A), Revolusi Ekosistem (R) dan Adaptasi Global (A) untuk menjulung nama dan maruah UPSI.

Konsep itu, katanya selaras dengan gagasan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim setiap mahasiswa dan akademik harus mampu “Menggapai ke Langit, Mengakar di Bumi” sebagai amanah yang perlu dipikul UPSI.

Peranan universiti, katanya, bukan sahaja UPSI perlu melahirkan murabbi yang cemerlang akademik, beradab, berbudaya dengan identiti keguruan yang bakal mengubah generasi hari ini yang dicabar oleh teknologi kecerdasan buatan (AI).

## UPSI Lakar Satu Lagi Sejarah

9 Feb 2024, Kuala Lumpur- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menenempa sejarah tersendiri apabila menerima sijil pengiktirafan dalam program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC2030c). Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Profesor Madya Ts Dr. Nor Kalsum Mohd Isa berkata, pengiktirafan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Perubahan Iklim (NRECC) itu melibatkan provisional certificate di bawah kategori rakan kongsi iaitu FSK dan Fakulti Sains dan Matematik, UPSI. “Kedua-dua fakulti ini menyasarkan pengurangan karbon sehingga 45 peratus melalui pengurusan sisa dan penghijauan persekitaran.



## Lawatan Kerjasama Antarabangsa dari Termez State Pedagogical Institute, Uzbekistan

8 Feb, Tanjung Malim - Dato Naib Canselor menerima lawatan antarabangsa yang diketuai oleh Prof. Dr. Azizbek Xasanov, rector of Termez State Pedagogical Institute diiringi oleh Pengarah Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Dr. Umidjon Eshmuratov. Turut hadir bersama daripada UPSI, Pengarah Akademik Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Ridzwan, Prof. Madya Dr. Azmi, Pengarah Bahagian Strategik, Dr Siti Nor Amalina, wakil International & Mobility Centre (IMC), Prof. Madya Dr. Talib, Dekan FPM dan wakil FBK serta CAPEU, En. Sasigaran. Perbincangan berfokus kepada kerjasama jalinan penyelidikan, akademik, pertukaran lajar, staf dan berfokus kepada bidang sains sukan, muzik, bahasa dan pedagogi



## Networking Luncheon with the Diplomatic Missions in Malaysia

Bangsar, 6 Feb - Sesi perjumpaan dan ramah mesra antara Kementerian Pendidikan Tinggi dengan perwakilan negara luar di Malaysia yang terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar.

Pertemuan ini yang julung kali diadakan dapat mengukuhkan hubungan Malaysia dengan negara luar melalui pendidikan tinggi dan pada masa sama mempromosikan Malaysia sebagai hub pendidikan rujukan antarabangsa..



## Majlis Penganugerahan Biasiswa Bitara

Tanjong Malim, 6 Feb - Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff hadir untuk menyampaikan anugerah Biasiswa Bitara yang dilangsungkan di bilik Seminar Reflessia, Pusat Pelajar KSAS kepada pelajar yang berkecayaan hasil beberapa tapisan yang telah dijalankan. Turut hadir ke majlis ini Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pendaftar, Dekan FSM, Dekan FSK, Dekan FPTV, Dekan META, Dekan IPS, Pengarah Akademik dan Pengantarabangsaan, Dekan FSKIK, Dekan FPM, Dekan FSSK, Dekan FPE, Pengarah WESAZ dan Pengarah BKK.



## Majlis Jasamu dikenang: UPSI Hargai Bekas Kakitangan

Tanjong Malim, 9 Feb - UPSI tidak pernah melupakan jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh bekas kakitangan yang telah menamatkan perkhidmatan sepanjang tahun 2023. Satu Majlis telah diatur untuk menghargai pengorbanan mereka dalam menaikkan nama UPSI. Majlis ini turut dihadiri oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff dan Pendaftar, En. Helmi Zaifura bin Abdul Rahman.

## Sesi Penglibatan Strategik AKEPT-UPSI

Tanjong Malim, 2 Feb - Antara perkara menarik lain yang dibincangkan dan membuka perspektif baharu kepada usaha AKEPT bersama UPSI adalah cadangan untuk memperkasa pengurusan bakat agar dapat membantu menyediakan barisan kepimpinan yang hebat dari sudut nilai, sahsiah, mentaliti dan kompetensi. Ini termasuk usaha-usaha yang boleh digarap dalam membantu universiti awam memurnikan sumbangan akademik dan pentadbir yang pelbagai untuk institusi, masyarakat dan negara, disulami pembangunan seimbang di antara kemajuan diri dan pemegang taruh institusi.

Dalam sesi libat urus ini juga, delegasi AKEPT sempat menyantuni sebahagian warga UPSI yang terdiri dari bakat-bakat muda yang berpotensi untuk digilap menjadi permata negara yang bersinar yang bakal menjadi pelapis barisan kepimpinan institusi pendidikan tinggi negara pada masa hadapan.



## International Ecce Edu-Tourism Programme Perluas Amalan Terbaik Pendidikan Awal Kanak-kanak MALAYSIA – INDONESIA

Tanjong Malim, 13 Feb - Penerokaan dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak menjalinkan hubungan kerjasama yang erat antara Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Yayasan Bayyinah. Penganjuran kali yang ketiga, kedua buah institusi ini memfokuskan kepada penjagaan dan pendidikan kanak-kanak yang dipraktikkan di Malaysia dan Indonesia.

